

DINAMIKA TAFSIRAN TEKS HADITH *AL-WALAD LI AL-FIRĀSH WA LI AL-‘ĀHIR AL-ĤAJAR* (الْوَالِدُ لِلْفِرَاشِ، وَاللَّعَايِرِ الْحَجَرِ) DAN IMPLIKASINYA TERHADAP FATWA PENASABAN ANAK TAK SAH TARAF DI MALAYSIA

Muhammad Adam Abd. Azid¹
Khadher Ahmad²
Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir³
Ishak Suliaman⁴

Abstrak

*Isu penasaban anak tak sah taraf sering menjadi polemik dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Permasalahan ini juga telah mewujudkan konflik antara institusi-institusi agama di Malaysia terutama institusi fatwa dalam menentukan status anak tak sah taraf tersebut. Secara umumnya, dalam menentukan status anak tak sah taraf tersebut, institusi-institusi fatwa terbahagi kepada dua kelompok, iaitu kelompok yang membolehkan anak tersebut dibincang dengan bapa biologinya, manakala kelompok yang kedua melarang tindakan tersebut. Faktor kepada khilaf ini adalah disebabkan kefahaman mereka yang berbeza terhadap sebuah hadith Rasulullah SAW iaitu *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ĥajar*. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepelbagaian pemahaman terhadap teks hadith tersebut serta meneliti pengaruhnya terhadap fatwa anak tak sah taraf di Malaysia. Kajian ini mengaplikasikan metode kualitatif melalui kajian perpustakaan untuk mendapatkan data kajian. Hasil kajian mendapati, wujud perbezaan antara para ulama dalam mentafsirkan teks hadith tersebut iaitu: [1] Mentafsirkan berdasarkan zahir teks hadith. [2] Mentafsirkan berdasarkan maqasid daripada teks hadith. Perbezaan tafsiran ini telah mempengaruhi institusi-institusi fatwa di Malaysia dalam mengeluarkan fatwa berkaitan status penasaban anak tak sah taraf.*

Kata Kunci: *Anak Tak Sah Taraf, al-Walad li al-Firāsh wa li al-‘Āhir al-Ĥajar, Fatwa, Nasab*

1. Pengenalan

Status nasab merupakan topik yang sangat penting dalam Islam. Ia termasuk dalam salah satu maqasid syariah yang dipelihara oleh Syariat Islam. Oleh yang demikian, Islam menggalakkan perkahwinan dan mengharamkan zina. Perkahwinan menjadi sebab utama kepada pengiktirafan status nasab serta turut memberi kesan kepada aspek penamaan, hadanah, nafkah, perwalian, perkahwinan, pusaka dan status hubungan dengan bapa biologi sama ada bapa tersebut berkahwin dengan ibunya atau tidak.

Di dalam Syariat Islam, doktrin *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ĥajar* merupakan asas kepada pensabitan nasab anak. Ia menjadi asas dalil yang penting kepada para ulama dalam menyimpulkan hukum berkaitan status nasab seseorang anak sama ada diiktiraf ataupun tidak. Begitu juga dalam isu fatwa berkaitan anak tak sah taraf di Malaysia, hadith ini turut menjadi asas kepada institusi-institusi fatwa dalam mengeluarkan fatwa berkaitan permasalahan tersebut.

¹ Pelajar Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Email: adamsaifulislam@gmail.com)

² Pensyarah Kanan, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Email: khadher82@um.edu.my)

³ Pensyarah, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Nilam Puri. (Email: khairulnazrin19@gmail.com)

⁴ Prof. Madya, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. (Email: ishakhs@um.edu.my)

Namun begitu, masih lagi belum wujud kata sepakat antara institusi-institusi fatwa di Malaysia berkaitan status anak tak sah taraf walaupun mereka merujuk kepada hadith yang sama. Persoalannya, bagaimanakah hadith tersebut ditafsirkan sehingga menghasilkan natijah hukum yang berbeza? Oleh yang demikian, penelitian terhadap tafsiran hadith ini harus dilakukan bagi merungkaikan pendekatan institusi-institusi fatwa dalam mentafsirkan hadith *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ḥajar*.

2. Definisi Anak Tak Sah Taraf

Anak tak sah taraf adalah jenama kontemporari yang dilabelkan kepada anak zina atau anak luar nikah. Walau bagaimanapun, mereka adalah golongan yang sama, tetapi diteliti dari aspek atau dimensi yang berbeza sahaja (Paizah Ismail, 2013). Kesemua terma ini merujuk kepada anak hasil daripada zina yang dilahirkan oleh ibunya (Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah al-Kuwayt, 2006), iaitu melalui cara yang tidak diiktiraf oleh Syarak atau persetubuhan haram (al-Zuhḥaylī, 1984).

Selain itu, istilah anak tak sah taraf mempunyai tafsiran yang berbeza merujuk kepada perspektif hukum Syarak, undang-undang dan fatwa. Menurut perspektif hukum Syarak, kesahan taraf seseorang anak itu diiktiraf jika anak tersebut dilahirkan melalui persetubuhan antara lelaki dan wanita setelah perkahwinan yang sah di sisi hukum Syarak, fasid, syubhah atau ikrar. Sekiranya anak berkenaan dilahirkan tanpa memenuhi kriteria-kriteria berikut, maka dia tidak boleh dinasabkan kepada bapa zina atau lelaki selainnya (al-Zuhḥaylī, 1984).

Para fuqaha telah bersepakat (*ittifaq*) bahawa tempoh minima bagi usia kandungan adalah 6 bulan selepas persetubuhan atau tempoh memungkin berlakunya persetubuhan menurut pandangan jumhur. Manakala Abu Hanifah berpandangan tempoh 6 bulan selepas akad nikah (al-Zuhḥaylī, 1984). Pandangan ijmak adalah berdasarkan pemahaman daripada dua dalil al-Quran iaitu surah al-Aḥqāf ayat 15 dan surah Luqman ayat 14. Surah al-Aḥqāf menyebutkan tempoh bagi mengandung dan menyusu adalah 30 bulan, manakala surah Luqman menyatakan tempoh menyusu adalah 2 tahun iaitu bersamaan 24 bulan. Justeru, tempoh kandungan adalah 6 bulan (al-Zuhḥaylī, 1984). Oleh yang demikian, anak yang dilahirkan kurang daripada tempoh tersebut dikategorikan sebagai anak tak sah taraf.

Manakala, dari aspek undang-undang, anak tak sah taraf didefinisikan sebagai “anak yang dilahirkan di luar nikah dan bukan anak daripada persetubuhan syubhah”. Definisi diguna pakai dalam Undang-Undang/Enakmen Keluarga Islam Kedah, Kelantan, Selangor, Johor, Wilayah Persekutuan, Melaka, Perlis, Perak dan Pulau Pinang (Paizah Ismail, 2013). Persetubuhan syubhah juga mempunyai perkaitan secara langsung dengan anak tak sah taraf yang ditafsirkan sebagai “persetubuhan syubhah adalah persetubuhan yang dilakukan berdasarkan anggapan sah akad nikah, tetapi hakikatnya akad nikah tersebut tidak sah (fasid) atau persetubuhan yan berlaku secara tersilap dan termasuk mana-mana persetubuhan yang tidak dihukum had dalam Islam” (Abd. Ghani & Nuarrual, 2016).

Selain itu, “nasab” juga mempunyai berkaitan yang rapat dengan anak tak sah taraf yang ditafsirkan sebagai “keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah”. Ketiga-tiga tafsiran tersebut saling berkait antara satu sama lain dalam memberikan tafsiran yang jelas tentang pensabitan anak tak sah taraf. Peruntukan tersebut juga menjelaskan kaedah menentukan nasab seseorang anak yang dilahirkan tanpa melalui ikatan perkahwinan yang selari dengan hukum Syarak (Abd. Ghani & Nuarrual, 2016).

Selain daripada itu, dari perspektif fatwa, muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 10 Jun 2003 telah bersepakat mendefinisikan anak tak sah taraf sebagaimana berikut (Bahagian Pengurusan Fatwa, 2015):

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah.
2. Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 *laḥẓah* (saat) mengikut taqvim qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

Pandangan tersebut seterusnya telah diwartakan oleh beberapa negeri di Malaysia untuk menjadi fatwa rasmi di negeri masing-masing.

3. Teks Hadith *al-Walad li al-Firāsh wa li al-‘Āhir al-Ḥajar*

عَنْ ابْنِ شِهَابٍ، عَنْ عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ، عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، زَوْجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهَا قَالَتْ: كَانَ عْتَبَةُ بْنُ أَبِي وَقَّاصٍ عَهْدَ أَبِي إِخِيهِ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ ابْنِ ابْنِ وَكَيْدَةَ زَمْعَةَ مِثِّي، فَاقْبَضَهُ إِلَيْكَ، فَلَمَّا كَانَ عَامَ الْفَتْحِ اخْتَدَهُ سَعْدٌ. فَقَالَ: ابْنُ إِخِي قَدْ كَانَ عَهْدَ أَبِي فِيهِ. فَقَامَ عَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ. فَقَالَ: إِخِي وَابْنُ امَةِ أَبِي، وُلِدَ عَلَيَّ فِرَاشِهِ. فَتَسَاوَفَا إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. فَقَالَ سَعْدٌ: يَا رَسُولَ اللَّهِ ابْنُ إِخِي كَانَ عَهْدَ أَبِي فِيهِ. فَقَالَ عَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ: إِخِي وَابْنُ وَكَيْدَةَ أَبِي. وَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: هُوَ لَكَ يَا عَبْدُ بْنُ زَمْعَةَ. **الْوَالِدُ لِلْفِرَاشِ، وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرِ.** ثُمَّ قَالَ لِسَوْدَةَ بِنْتِ زَمْعَةَ: احْتَجِبِي مِنْهُ لِمَا رَأَى مِنْ شَبْهِهِ بَعْتَبَةَ. فَمَا رَأَاهَا حَتَّى لَقِيَ اللَّهَ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn Shihāb (al-Zuhrī), daripada ‘Urwah Ibn al-Zubayr, daripada ‘Ā’ishah RA katanya: ‘Utbah Ibn Abī Waqqāṣ RA telah mewasiatkan kepada saudaranya Sa‘ad Ibn Abī Waqqāṣ RA: “Anak lelaki Zam‘ah dengan hamba perempuannya adalah anakku, maka engkau ambillah dan peliharalah dia”. Pada tahun pembukaan Kota Makkah, Sa‘ad mengambil budak tersebut dan berkata: “Dia ini anak saudaraku, dia berpesan supaya aku menjaganya (budak tersebut iaitu ‘Abd al-Raḥmān Ibn Zam‘ah)”. Kemudian, ‘Abd Ibn Zam‘ah RA bangkit dan berkata: “Dia ini (‘Abd al-Raḥmān) adalah saudaraku, anak isteri ayahku”. Maka, kedua-duanya berlumba-lumba menuju kepada Nabi SAW. Maka berkata Sa‘ad RA: “Ya Rasulullah! Dia anak saudaraku yang diwasiatkan kepadaku untuk memeliharanya”. Kemudian, ‘Abd Ibn Zam‘ah mencelah: “Dia adalah saudaraku dan anak isteri ayahku yang dilahirkan pada masa perkahwinan”. Maka Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya, budak ini milik kamu wahai ‘Abd Ibn Zam‘ah. **Ini kerana anak itu hak pemilik hamparan dan bagi penzina adalah batu**”. Kemudian, baginda SAW bersabda kepada Sawdah Bint Zam‘ah RA: “Hendaklah kamu berhijab di hadapan dia (‘Abd al-Raḥmān). Ini kerana Rasulullah SAW mendapati, anak tersebut amat menyerupai ‘Utbah RA. Maka tidaklah anak tersebut melihat Sawdah RA sehingga dia wafat.⁵

[Hadith ini diriwayatkan oleh al-Bukhārī, Muslim, Abū Dāwud, al-Nasā’ī, Ibn Mājah, Aḥmad, Mālik dalam Muwaṭṭā’, al-Ḥumaydī dan al-Dārimī melalui *ṭarīq* Ibn Shihāb al-

⁵ Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Tafsīr al-Mushabbahāt, no. Hadith 2053. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥ ammad Ibn Ismā‘īl al-Bukhārī, (2001), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. Muḥ ammad Zuhayr Ibn Nāṣ ir al-Nāṣ ir, Beirut: Dār Ṭ ūq al-Najāh, jil. 3, hal. 54.

Zuhrī, daripada ‘Urwah Ibn al-Zubayr, daripada ‘Ā’ishah RA. Lafaz hadith daripada al-Bukhārī]

Secara ringkasnya, hadith di atas menceritakan tentang perebutan yang berlaku di antara Sa‘ad Ibn Abī Waqqāṣ RA dan ‘Abd Ibn Zam‘ah RA tentang hak penjagaan kanak-kanak bernama ‘Abd al-Raḥmān. Sa‘ad RA mengatakan penjagaan kanak-kanak tersebut adalah haknya kerana mendakwa dia adalah anak kepada saudaranya (‘Utbah Ibn Abī Waqqāṣ RA) dengan alasan muka kanak-kanak tersebut mirip saudaranya, manakala ‘Abd RA pula mengatakan kanak-kanak tersebut adalah saudaranya. Apabila permasalahan tersebut diadukan kepada Rasulullah SAW, maka baginda SAW memutuskan hak penjagaan kanak-kanak tersebut diserahkan kepada ‘Abd RA sambil bersabda: “الْوَلَدُ لِلْفِرَاشِ، وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرُ”. Kemudian, Rasulullah SAW memerintahkan Saudah Ibn Zam‘ah RA supaya berhijab daripada kanak-kanak tersebut (Ibrāhīm, t.t).

4. Dinamika Tafsiran Teks Hadith *al-Walad li al-Firāsh wa li al-‘Āhir al-Ḥajar*

Keistimewaan yang Allah SWT anugerahkan kepada Rasulullah SAW adalah baginda dikurniakan *jawāni‘ al-kalim* (جوامع الكلم) iaitu ucapan yang ringkas tetapi sarat dengan maklumat. Bagitu juga halnya dengan petikan ucapan Rasulullah SAW *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ḥajar*, ucapan ini adalah ringkas, tetapi mewujudkan banyak tafsiran dalam kalangan para ulama bagi menentukan maksudnya serta mengeluarkan (*istinbāṭ*) hukum daripadanya. Secara umumnya, perbezaan tafsiran tersebut boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu tafsiran makna dan tafsiran hukum.

4.1 Tafsiran Makna Hadith

Satu perkara yang perlu ditentukan terlebih dahulu adalah status ucapan Rasulullah SAW tersebut sama ada ia membawa makna yang zahir ataupun satu kiasan (*kināyah*) yang diberikan oleh baginda SAW. Jika diteliti perbincangan-perbincangan aspek bahasa, didapati ucapan Rasulullah SAW tersebut hakikatnya adalah suatu kiasan, namun kiasan tersebut kemungkinan difahami oleh para sahabat dan masyarakat Arab ketika itu berikutan tiada sahabat yang meminta penjelasan makna ucapan tersebut daripada Rasulullah SAW.

Namun, apabila Islam semakin berkembang dan penguasaan bahasa Arab semakin lemah, maka ucapan tersebut sukar difahami oleh generasi terkemudian sehingga makna hadith ini dijelaskan dalam penulisan yang mengkhususkan perbincangan ilmu bahasa Arab, bahkan turut dimasukkan dalam perbincangan ilmu *gharīb al-ḥadīth* (hadith-hadith yang *gharīb*).

Terdapat 3 terma dalam hadith ini yang menjadi perbincangan dalam kalangan ulama iaitu *al-firāsh*, *al-‘āhir* dan *al-ḥajar*. *Al-firāsh* dalam konteks hadith ini adalah wanita kerana lelaki menjadikan wanita sebagai hamparan baginya, manakala perkataan *li al-firāsh* لِلْفِرَاشِ bermaksud pemilik *firāsh* iaitu suami atau tuan kepada hamba perempuan yang disetubuhi (Ibn Manẓūr, 1414H; Abū Manṣūr al-Ḥarawī, 2001; Ibn Fāris, 1986; Ibn al-Athīr, 1979; Yaḥyā al-Dhuhli, 1417H). Justeru, *firāsh* dalam konteks hadith ini adalah wanita yang menjadi isteri melalui perkahwinan yang sah, *fāsid* atau *shubḥah* termasuk juga hamba yang disetubuhi oleh tuannya (Nashwān, 1999).

Selain itu, bagi terma *al-‘āhir* pula, menurut Ibn Manẓūr dan Ibn Fāris ia bermaksud penzina lelaki (Ibn Manẓūr, 1414H; Ibn Fāris, 1979; Yaḥyā al-Dhuhli, 1417H). Dinamakan

sedemikian apabila dia mendatangi wanita pada waktu malam hari untuk berzina dengannya. Kemudian, kalimah ini diguna pakai bagi memaksudkan perbuatan zina secara mutlak tanpa mengira lelaki mendatangi wanita pada waktu malam atau siang (Ibn al-Athīr, 1979).

Selain itu, ulama berbeza pandangan berkaitan maksud kalimah *al-ḥajar* sama ada bermaksud batu yang hakiki iaitu direjam atau satu perumpamaan yang membawa maksud yang lain. Terdapat ulama yang mengatakan bahawa makna *al-ḥajar* di sini adalah hukuman rejam yang dikenakan kepada penzina (Najm al-Dīn al-Nasaḥī, 1311H). Namun pandangan tersebut ditolak oleh sebahagian ulama kerana bagi mereka tidak semua penzina direjam, ada juga yang disebut. Hukuman rejam adalah khusus bagi penzina yang sudah berkahwin sahaja. Justeru, mereka berpendapat *al-ḥajar* dalam konteks hadith tersebut adalah perumpamaan yang membawa maksud *al-khaybah* (kekecewaan) dan *al-ḥirmān* (kesengsaraan). Kalimah ini menunjukkan penzina tidak mendapat apa-apa. Apabila dikatakan tiada sesuatu pada tangan kamu kecuali *al-ḥajar*, maksudnya tangannya kosong (Ibn Manẓūr, 1414H; Ibn al-Athīr, 1979).

Oleh yang demikian, jika dihubungkan ketiga-tiga terma di atas, dapatlah disimpulkan bahawa, makna hadith *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ḥajar* adalah hak penasaban anak adalah bagi suami melalui perkahwinan yang sah, *fāsid* atau *shubḥah* dan hamba yang disetubuhi oleh tuannya, manakala bagi penzina tidak mendapat apa-apa melainkan kekecewaan dan kehinaan.

4.2 Tafsiran Hukum

Penelitian mendapati, wujud tafsiran hukum yang luas serta pelbagai telah diekstrak oleh para ulama daripada teks hadith *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ḥajar* ini. Justeru, pengkaji hanya memfokuskan kepada tafsiran hukum yang berkaitan dengan anak tak sah taraf sahaja.

Berkata Ibn ‘Abd al-Barr, hadith ini menunjukkan Islam telah membatalkan amalan menasabkan anak zina kepada penzina yang dilakukan oleh masyarakat Arab Jahiliah. Melalui hadith ini, Rasulullah SAW menyatakan, Islam telah menafikan kesabitan nasab anak zina kepada penzina, dan berlaku kesepakatan dalam kalangan umat Islam dalam perkara ini (Ibn ‘Abd al-Barr, 1387H). Begitu juga, para ulama Islam telah bersepakat bahawa anak zina tidak dinasabkan kepada penzina sama ada dia menuntutnya atau tidak (Ibn ‘Abd al-Barr, 1387H).

Menurut Ibn al-‘Arabī, tiada khilaf antara para ulama dalam mentafsirkan wanita merdeka sebagai *firāsh* dengan akad nikah dan bagi hamba perempuan pula dengan melahirkan anak. Selain itu, para ulama berbeza pendapat sama ada wanita boleh ditafsirkan sebagai *firāsh* dengan semata-mata berlakunya bersetubuhan (Ibn al-‘Arabī, 2007).

Namun, hakikatnya terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama berkaitan kesabitan *firāsh* bagi wanita merdeka dan hamba. Menurut majoriti ulama, *firāsh* bagi wanita sabit melalui nikah yang *ṣaḥīḥ* atau *fāsid* dengan kemungkinan berlakunya bersetubuhan, ia adalah mazhab al-Hādawīyah, al-Shāfi‘iy dan Aḥmad (al-Ṣan‘āniy, t.t). Dengan syarat tempoh kandungan sekurang-kurangnya 6 bulan (Ibn Mulaqqan, 2008).

Manakala, bagi Abū Ḥanīfah, ia sabit dengan semata-mata akad nikah walaupun diketahui suaminya tidak pernah bertemu dengan isterinya. Namun, Ibn Taymiyyah dan dipilih oleh Ibn Qayyim, mensyaratkan mestilah dipastikan berlakunya bersetubuhan (al-Ṣan‘āniy, t.t).

Selain daripada itu, majoriti ulama seperti al-Shāfi‘ī, Mālik, al-Nakah‘iy, Aḥmad dan Ishāq berpendapat, *firāsh* bagi hamba perempuan pula sabit melalui persetujuan jika yang menyetubuhinya adalah tuannya atau diakui oleh tuannya bagi pemilikan shubhah. Manakala, al-Hadawiyah dan al-Ḥanafiyah mengatakan iqrar berlakunya persetujuan sahaja tidak memadai, bahkan mensyaratkan mestilah berlakunya pengakuan oleh tuan hamba tersebut (al-Ṣan‘āniy, t.t). Tempoh kandungan mestilah sekurang-kurangnya 6 bulan daripada saat berlakunya persetujuan (Ibn Mulaqqan, 2008).

Sebahagian ulama menyebutkan, hadith *al-walad li al-firāsh* adalah diaplikasikan apabila berlakunya pertindihan tuntutan. Bagi situasi yang tiada berlakunya pertindihan, para ulama berbeza pendapat berkaitan status anak zina tersebut. Mālik mengatakan di sisi kebanyakan ulama, anak zina tersebut mewarisi harta tetapi nasabnya kepada ayah zinanya tidak sabit. Manakala, al-Shāfi‘ī berpendapat, nasab kepada ayah zinanya adalah sabit dan mewarisi harta. Namun, pandangan al-Shāfi‘ī disangkal oleh Ibn al-‘Arabī, menurutnya Rasulullah SAW memutuskan berdasarkan hal keadaanya adalah *firāsh*, namun bukan dalam aspek kesabitan nasab (Ibn al-‘Arabī, 2007).

Tambahan pula, menurut al-Shāfi‘ī *al-walad li al-firāsh* bukan sahaja teraplikasi dalam konteks apabila berlakunya pertindihan tuntutan. Hal ini kerana, ia mempunyai dua maksud. Makna pertama iaitu yang lebih umum dan utama, anak itu dinasabkan kepada *firāsh* selagi mana dia tidak menafikannya melalui *li‘ān*, apabila dia menafikannya dengan *li‘ān*, maka anak tersebut tidak dinasabkan kepadanya, juga tidak dinasabkan kepada orang yang menuntut nasabnya hasil daripada zina walaupun kelihatan seiras. Manakala makna kedua adalah apabila bercanggah tuntutan anak antara pemilik *firāsh* dan penzina, maka anak tersebut hak pemilik *firāsh* (Ibn al-Athīr, 2005).

Berdasarkan perbincangan hadith di atas, majoriti ulama menetapkan bahawa anak zina tidak dinasabkan kepada bapa zinanya, tetapi dinasabkan kepada ibunya (al-Ṭayyār, 2011; Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah al-Kuwayt, 2006). Namun, para ulama telah bersepakat (*ittifaq*) bahawa anak zina itu adalah mahram kepada ayah zinanya (Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah al-Kuwayt, 2006). Tetapi mereka menetapkan anak zina tersebut tidak mewarisi harta bapa zinanya, begitu juga sebaliknya disebabkan hilang sebab mewarisi iaitu nasab (Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah al-Kuwayt, 2006).

Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian ulama salaf yang berpandangan anak zina boleh dinasabkan kepada bapa zinanya setelah dikenakan hukuman *ḥad* ke atasnya. Menurut mereka anak zina itu adalah anak yang hakiki kepada bapa zinanya, maka anak tersebut boleh dinasabkan dan mewarisi harta. Pandangan ini dikemukakan oleh Ibn Sīrin, Ishāq Ibn Rāhawiyah, Ṣasan al-Baṣrī serta dipilih oleh Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim (al-Ṭayyār, 2011).

Berkaitan hadith *al-walad li al-firāsh* pula, mereka mentafsirkan hadith tersebut hanya diaplikasikan ketika berlaku pertembungan tuntutan nasab antara pemilik *firāsh* dan penzina sahaja. Adapun jika tidak berlaku pertembungan tuntutan, maka dinasabkan kepada bapa zinanya (al-Ṭayyār, 2011). Menurut Ibn Qayyim, mazhab ini adalah kuat dan jelas, mereka telah pun berdalilkan hadith *al-walad li al-firāsh* (dan mentafsirkan hadith itu dengan lebih jelas) dan qias yang sahih bagi menyokong pendapat ini. Namun, tiada dalil lain bagi jumah melainkan hadith *al-walad li al-firāsh* sahaja (Ibn Qayyim, 1994).

Selain itu, golongan yang membolehkan anak zina dinasabkan kepada bapa zina juga melihat kepada maqasid hadith *al-walad li al-firāsh* tersebut. Menurut mereka, tindakan

Rasulullah SAW memberikan hak nasab kepada suami si isteri walaupun berkemungkinan anak itu adalah anak zina disebabkan memelihara maruah seseorang. Jikalau baginda SAW memerintahkan supaya perkara tersebut perlu disiasat, maka akan terbongkar keburukan lampau seseorang serta akan menyebabkan keruntuhan kepada institusi kekeluargaan (Mohd Asri, 2015). Oleh itu, kebenaran menasabkan anak zina kepada penzina ini adalah untuk memelihara maqasid syariah iaitu memelihara maruah.

Namun, golongan yang melarang menasabkan anak zina kepada penzina juga menjadikan maqasid syariah sebagai sandaran hukum mereka. Menurut mereka, larangan tersebut adalah untuk masalah umum (iaitu mudarat zina yang merosakkan masyarakat dan sistem keluarga secara keseluruhan) lebih utama dijaga berbanding masalah khusus (iaitu aib yang mungkin dialami oleh anak zina). Ini bertepatan dengan maqasid syariah yang meletakkan pemeliharaan nasab sebagai *darūriyyāt* (kepentingan yang sangat penting) di dalam Islam (Zulkifli Mohamad al-Bakri, 2017).

5. Implikasi Tafsiran Teks Hadith *al-Walad li al-Firash wa li al-‘Āhir al-Ḥajar* Terhadap Fatwa Penasaban Anak Tak Sah Taraf

Berdasarkan perbincangan di atas, jelasnya berlaku khilaf dalam kalangan ulama bagi mentafsirkan makna dan hukum daripada hadith *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ḥajar*. Khilaf tersebut turut menatijahkan perbezaan fatwa antara institusi-institusi fatwa di Malaysia berkaitan pensaban anak tak sah taraf.

Secara umumnya, institusi-institusi fatwa di Malaysia terbahagi kepada dua kelompok berkaitan penasaban anak tak sah taraf ini. Iaitu kelompok yang mengikuti pandangan jumhur ulama dan kelompok yang mengambil pandangan Ibn Sīrin, Ishāq Ibn Rāhawiyah, Ṣasan al-Baṣrī, Ibn Taymiyyah dan Ibn Qayyim.

Mejoriti institusi-institusi fatwa di Malaysia sama ada peringkat kebangsaan dan negeri-negeri kecuali negeri Perlis mengikuti pandangan yang dikemukakan oleh jumhur ulama berkaitan penasaban anak tak sah taraf. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang diadakan pada 10 Jun 2003 telah bersepakat mendefinisikan anak tak sah taraf sebagaimana berikut (Bahagian Pengurusan Fatwa, 2015):

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah.
2. Anak yang dilahirkan kurang daripada 6 bulan 2 *laḥẓah* (saat) mengikut taqvim qamariah daripada tarikh tamkin (setubuh).

Pandangan tersebut seterusnya telah diwartakan oleh beberapa negeri di Malaysia untuk menjadi fatwa rasmi di negeri masing-masing. Namun, institusi-institusi fatwa di Malaysia juga menetapkan anak tak sah taraf tersebut dibinkan atau dibintikan dengan Abdullah yang mana perkara tersebut tidak ditetapkan oleh jumhur fuqaha. Ketetapan ini adalah hasil daripada Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam berhubung kedudukan anak tak sah taraf yang diadakan pada 1981 (Bahagian Pengurusan Fatwa, 2015).

Hasil daripada muzakarah tersebut, 8 negeri iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang telah mengadaptasi dan telah memperjelaskan lagi intipati keputusan itu dalam fatwa di negeri-negeri masing-masing walaupun dengan menggunakan pelbagai *sighah* (*wording*) yang

berbeza. Malah lima daripada negeri-negeri tersebut iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka, Negeri Sembilan, Terengganu dan Selangor telah mewartakan fatwa tersebut (Paizah Ismail, 2013).

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah pada 26 September 2010 pula menambah beberapa perkara dalam mentafsirkan anak tak sah taraf mengikut hukum syarak iaitu (Jabatan Mufti Negeri Kedah, 2011):

1. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina, rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
2. Anak dilahirkan kurang daripada 6 bulan dua *laḥẓah* (saat) *qamariah* dari waktu *imkan al-dukhūl*.
3. Anak yang dilahirkan lebih dari enam bulan 6 bulan dua *laḥẓah* (saat) *qamariah* dari waktu *imkan al-dukhūl* selepas akad yang sah dan ada bukti dari segi syarak baahwa anak tersebut ialah anak luar nikah melalui iqrar (pengakuan) mereka yang berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya).
4. Anak tak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada mana-mana lelaki, sama ada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau yang mengaku menjadi bapa kepada anak tersebut. Oleh sebab itu, mereka tidak boleh mewarisi antara satu sama lain, tidak boleh menjadi mahram dan bapa tersebut tidak boleh menjadi wali kepada anak tersebut.
5. Jika lelaki tersebut berkahwin dengan ibu kepada anak tak sah taraf itu dan sabit persetubuhan, maka hubungan anak tersebut dengan lelaki tersebut adalah seperti anak dangan bapa tiri dan mereka adalah mahram.

Mengulas berkaitan fatwa larangan menasabkan anak zina kepada penzina yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan institusi-institusi fatwa negeri (selain Perlis) tersebut, Mufti Wilayah Persekutuan menyatakan:

“Kami berpendapat bahawa hujah yang melarang dibinkan atau dibintikan anak tak sah taraf kepada ayah biologinya berdasarkan dalil kuat daripada nas al-Quran, hadith, amalan sahabat dan jumhur fuqaha” (Zulkifli Mohammad al-Bakri, 2017).

Menurut beliau lagi, fatwa yang melarang anak tidak sah taraf dinasabkan kepada ayah biologinya adalah untuk memelihara masalah umum (iaitu mudarat zina yang merosakkan masyarakat dan sistem keluarga secara keseluruhan) lebih utama dijaga berbanding masalah khusus (iaitu aib yang mungkin dialami oleh anak zina). Ini bertepatan dengan maqasid syariah yang meletakkan pemeliharaan nasab sebagai *darūriyyāt* (kepentingan yang sangat penting) di dalam Islam (Zulkifli Mohammad al-Bakri, 2017).

Namun, fatwa yang berbeza diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berkaitan menasabkan anak zina kepada bapa zina. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis memutuskan bahawa anak yang lahir kurang dari 6 bulan selepas ibunya berkahwin boleh dibinkan kepada suami ibunya kecuali jika dinafikan oleh suami (Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, 2008). Maksud daripada fatwa ini adalah, seorang wanita yang berkahwin dan kemudiannya melahirkan anak sekalipun tempoh perkahwinannya kurang daripada tempoh 6

bulan, tetap boleh menasabkan (membinkan) anak yang dilahirkan kepada suaminya dengan syarat si suami tidak membantah perkara tersebut.

Menjelaskan tentang hadith *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir al-ḥajar*, Mohd Asri Zainul Abidin menyatakan bahawa Rasulullah SAW memberikan hak nasab kepada suami si isteri walaupun berkemungkinan anak itu adalah anak zina. Hadith ini juga menunjukkan bahawa Rasulullah SAW tidak ingin membongkar keburukan yang silam. Jika baginda SAW memutuskan kes sebegini mesti diselidiki, maka semestinya pelbagai keburukan peribadi akan terbongkar dan menyebabkan keruntuhan kepada institusi kekeluargaan. Selagi mana si suami itu sendiri mengiktiraf anak itu adalah anaknya, maka tiada alasan bagi mereka yang tidak berkahwin secara sah dengan si ibu untuk membuat tuntutan (Mohd Asri, 2015).

Menurut Mohd Asri Zainul Abidin, fatwa ini mempunyai beberapa *maṣlaḥah* kepada ibubapa dan anak zina tersebut. Antaranya adalah dapat memelihara emosi anak zina tersebut apabila hilangnya perasaan malu dan terasing anak yang tidak dibinkan kepada bapanya disebabkan faktor kekurangan tempoh perkahwinan. Fatwa ini juga akan menutup keaiban silam yang telah berlaku kepada pasangan yang sudah bernikah dan bertaubat. Selain itu, ia juga turut membolehkan mereka meneruskan kehidupan dan membina keluarga mereka (Mohd Asri, 2015).

Fatwa ini diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berdasarkan beberapa alasan iaitu (Muhamad Rozaimi, 2018):

1. Terdapat dalil dalam pendapat tersebut
2. Menjaga psikologi anak zina tersebut daripada tertekan.
3. Mempertimbangkan maqasid syariah untuk menutup aib seseorang.

Berdasarkan fatwa di atas, Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis mempunyai dua tafsiran terhadap hadith ini, pertama, hadith ini hanya terpakai bagi kes-kes ibu anak zina tersebut adalah isteri orang dan tiada nas yang jelas tentang nasab anak zina yang ibunya bukan isteri orang, maka kembali kepada asal anak itu adalah yang datang daripada sulbi lelaki (Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, 2008).

Tafsiran yang kedua adalah dengan melihat kepada maqasid daripada keputusan Rasulullah SAW dalam hadith tersebut. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis berpandangan, tindakan Rasulullah SAW memberikan nasab kepada suami si isteri adalah kerana baginda SAW ingin memelihara maruah seseorang. Jikalau baginda SAW memerintahkan supaya perkara tersebut perlu disiasat, maka akan terbongkar keburukan lampau seseorang serta akan menyebabkan keruntuhan kepada institusi kekeluargaan (Mohd Asri, 2015).

6. Kesimpulan

Teks hadith *al-walad li al-firāsh wa li al-‘āhir* telah menghasilkan beberapa tafsiran dalam kalangan ulama. Tafsiran-tafsiran tersebut seterusnya menatijahkan hukum yang berbeza antara institusi-institusi fatwa di Malaysia berkaitan penasaban anak tak sah taraf. Bagi institusi-institusi fatwa yang melarang menasabkan anak zina kepada penzina, mereka mengambil hukum daripada makna zahir hadith tersebut.

Manakala bagi Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis iaitu institusi fatwa yang membolehkan anak zina dinasabkan kepada bapa zina, mereka meneliti maqasid daripada

hadith Rasulullah SAW tersebut dan meraikan maqasid syariah dalam fatwa yang diputuskan oleh mereka.

Namun, walaupun institusi-institusi fatwa yang melarang menasabkan anak zina kepada penzina melihat kepada aspek zahir teks hadith, ini tidak bermakna mereka mengabaikan penekanan terhadap maqasid syariah. Jelasnya, pemeliharaan terhadap elemen maqasid syariah juga direalisasikan oleh institusi-institusi fatwa yang melarang menasabkan anak zina kepada penzina.

Tuntasnya, kedua-dua fatwa yang diputuskan meraikan maqasid syariah. Bezanya adalah elemen maqasid syariah yang diberi perhatian oleh kedua-dua fatwa tersebut. Persoalannya elemen maqasid syariah yang mana perlu diutamakan untuk direalisasikan? Oleh yang demikian, kajian terperinci perlu dilakukan bagi menilai elemen-elemen maqasid syariah yang ingin direalisasikan dalam fatwa-fatwa tersebut dengan menjadikan *ḍawābit* yang telah ditetapkan oleh para ulama dalam beramal dengan maqasid syariah sebagai panduan.

Bibliografi

- ‘Abd Allāh Ibn Muḥammad al-Ṭayyār et. al. (2011). *al-Fiqh al-Muyassar*. al-Riyād: Madār al-Waṭan li al-Nashr.
- Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. (Julai 2016). Kewajipan Menanggung Nafkah Anak Tak Sah Taraf: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah. *Jurnal KANUN*, 28, 2, 214-244.
- Abū Manṣūr; Muḥammad Ibn Aḥmad Ibn al-Azharī al-Harawī. (2001). *Tahdhīb al-Lughah*. ed. Muḥammad ‘Iwaḍ Mar‘ab. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Bukhārī; Abū ‘Abd Allāh Muḥammad Ibn Ismā‘īl. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. ed. Muḥammad Zuhayr Ibn Nāṣir al-Nāṣir. Beirut: Dār Ṭūq al-Najāh.
- Al-Ṣan‘āniy; Muḥammad Ibn Ismā‘īl Ibn Ṣalāḥ Ibn Muḥammad al-Ḥasanī. *Subul al-Salām*. (t.t). al-Qāherah: Dār al-Ḥadīth.
- Al-Zuḥaylī; Wahbah Ibn Muṣṭafā. (t.t). *al-Fiqh al-Islāmiy wa Adillatuh*. Dimashq: Dār al-Fikr.
- Bahagian Pengurusan Fatwa. (2015). *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ibn ‘Abd al-Barr; Abū ‘Umar Yūsuf Ibn ‘Abd Allāh Ibn Muḥammad Ibn ‘Abd al-Barr. (1387H). *al-Tamhīd li Mā fi al-Muwaṭṭā’ min al-Ma‘ānī al-Asānid*. ed. Muṣṭafā Aḥmad al-‘Alawī & Muḥammad ‘Abd al-Kabīr al-Bikrī. al-Maghrib: Wizārah ‘Umūm al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah.
- Ibn al-‘Arabī; Muḥammad Ibn ‘Abd Allāh Abū Bakr Ibn al-‘Arabī. (2007). *al-Masālik fi Sharḥ Muwaṭṭā’ Mālik*. ed. Muḥammad Ibn al-Ḥusayn al-Sulaymānī & ‘Ā’ishah Bint al-Ḥusayn al-Sulaymānī. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiy.
- Ibn al-Athīr; al-Mubārak Ibn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Shaybānī al-Jazarī. (1979). *al-Nihāyah fi Gharīb al-Ḥadīth wa al-Athar*. ed. Ṭāhir Aḥmad al-Zāwī & Maḥmūd Muḥammad al-Ṭanāḥī. Beirut; al-Maktabah al-‘Ilmiyyah.
- Ibn al-Athīr; al-Mubārak Ibn Muḥammad Ibn Muḥammad al-Shaybānī al-Jazarī. (2005). *al-Shāfi’ fi Sharḥ Musnad al-Shāfi’ī*. ed. Aḥmad Ibn Sulaymān & Au Tamīm Yāsir Ibn Ibrāhīm. al-Riyād: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Fāris; Aḥmad Ibn Fāris Ibn Zakariyyā’ al-Qazwaynī al-Rāzī. (1986). *Mujmal al-Lughah li Ibn Fāris*. ed. Zuhayr ‘Abd al-Muḥsin Sulṭān. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.

- Ibn Manzūr; Muḥammad Ibn Makram Ibn ‘Alī. (1414H). *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir.
- Ibn Mulaqqan; Abū Ḥafṣ ‘Umar Ibn ‘Alī Ibn Aḥmad al-Shāfi‘ī al-Miṣrī. (2008). *al-Tawḍīḥ li Sharḥ al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*. ed. Dār al-Falāḥ li Baḥth al-‘Ilmī wa Taḥqīq al-Turāth. Dimashq: Dār al-Nawādir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah; Muḥammad Ibn Abū Bakr Ibn Ayyūb. (1994). *Zād al-Ma‘ād fi Hady Khayr al-‘Ibād*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Ibrāhīm Ibn Muḥammad Ibn Muḥammad Kamāl al-Dīn. (t.t). *al-Bayān wa al-Ta’rīf fi Asbāb Wurūd al-Ḥadīth al-Sharīf*. ed. Sayf al-Dīn al-Kātib. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī.
- Jabatan Mufti Negeri Kedah, 23 Jun 2011. “Fatwa Mengenai Larangan Anak Tak Sah Taraf” dlm. Warta Kerajaan Negeri Kedah (Enakmen Mufti dan Fatwa [Kedah Darul Aman] 2008). Jilid 54, No. 13, hlm. 970.
- Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis. (2008). “Hukum Menasab Anak Zina Kepada Bapa Zina” (keputusan fatwa, Jabatan Mufti Negeri Perlis, 16-17 September 2008).
- Mohd Asri Zainul Abidin, (2018), Menasabkan Anak Kepada Suami Ibu Sekalipun Perkahwinan Kurang Daripada Enam Bulan. [Laman sesawang] Dicapai: <http://drmaza.com/home/?p=488> (dicapai pada 27 Jun 2018)
- Muhamad Rozaimi Ramle, (2018) Penerangan Fatwa fatwa Perlis Berkaitan Akidah, Ibadah dan Kemasyarakatan. [Laman sesawang] Dicapai: <https://www.youtube.com/watch?v=uAN8w9rkHrg> (dicapai pada 6 November 2018)
- Najm al-Dīn al-Nasafi; ‘Umar Ibn Muḥammad Ibn Aḥmad. (1311H) *Ṭalabah al-Ṭalabah*. Baghdād; al-Maṭba‘ah al-‘Āhirah.
- Nashwān Ibn Sa‘īd al-Ḥumayrī al-Yamanī. (1999). *Shamsh al-‘Ulūm wa Dawā’ Kalām al-‘Arab min al-Kulūm*, ed. Ḥusayn Ibn ‘Abd Allāh al-‘Umarī, Muṭahir Ibn ‘Alī al-Iryānī & Yūsuf Muḥammad ‘Abd Allāh (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āshir).
- Paizah Ismail. (2013). Anak Tak Sah Taraf Dari Perspektif Syariah dan Perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 10, 77-90.
- Wizārah al-Awqāf wa al-Shu‘ūn al-Islāmiyyah al-Kuwayt. (2006). *al-Mawsū‘ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaytiyyah*. al-Kuwayt: Ṭaba‘ al-Wazārah.
- Yaḥyā Ibn (Ḥubayrah Ibn) Muḥammad Ibn Ḥubayrah al-Dhuhlī al-Shaybānī. (1417H). *al-Ifṣāḥ ‘an Ma‘ānī al-Ṣiḥāḥ*. ed. Fu‘ād ‘Abd al-Mun‘in Aḥmad. al-Riyād: Dār al-Waṭan.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri, (2017) Bayan Linnas Siri Ke-106 : Isu Penamaan “Bin/Binti Abdullah” Kepada Anak Tidak Sah Taraf Oleh Mahkamah Rayuan. [Laman sesawang] Dicapai:<http://www.muftiwp.gov.my/index.php/ms-my/perkhidmatan/bayan-linnas/1714-bayan-linnas-siri-ke106-isu-penamaan-bin-binti-abdullah-kepada-anak-tidak-sah-teraf-oleh-mahkamah-rayuan> (Dicapai pada 20 September 2017).